

## SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

### **Great Eastern Takaful Perkukuh Impak Komuniti Melalui Inisiatif CSR Ramadan**

*Daripada agihan bubur lambuk hinggalah membeli-belah Raya dan penyediaan juadah sahur untuk petugas barisan hadapan, inisiatif ini membawa unsur keprihatinan, belas ihsan dan semangat memberi kepada masyarakat.*

**18 Mac 2026, Kuala Lumpur** – Menghayati semangat keprihatinan dan perkongsian rezeki sepanjang bulan Ramadan yang penuh keberkatan, Great Eastern Takaful Berhad (GETB) terus memperkukuh komitmennya dalam menyokong komuniti yang memerlukan melalui pelaksanaan beberapa inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang bermakna. Pada tahun ini, Great Eastern Takaful telah menganjurkan tiga program utama bersempena Ramadan, iaitu Program Agihan Bubur Lambuk, Program GREAT Ramadan, dan Program GREAT Sahur.

Seramai 38 sukarelawan daripada Great Eastern Takaful telah berganding bahu dengan semangat perpaduan dan dedikasi untuk menjayakan Program Agihan Bubur Lambuk. Menerusi kerjasama antara Kelab Groovy GETB dan Bubur Lambuk Warisan Kg. Baru, sebanyak 1,500 pek bubur lambuk telah disediakan dan diedarkan di sembilan lokasi sekali gus memberi manfaat kepada pelbagai lapisan komuniti.

Agihan tersebut merangkumi dua buah sekolah rendah, iaitu SK Setiawangsa dan SK Wangsa Maju Seksyen 1. Selain itu, tiga rumah kebajikan, Pertubuhan Kebajikan Asnaf Al Barakh, Pusat Jagaan Kasih Murni dan Rumah Titian Kasih, sebuah pusat jagaan warga emas, Pusat Jagaan Nurul Jannah, serta dua institusi pengajian tinggi, UniKL Business School dan Universiti Teknologi Malaysia turut menerima manfaat daripada inisiatif ini.

Program tersebut turut diserikan dengan kehadiran Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful Berhad, Encik Shahrul Azlan Shahrman, serta Ketua Pemasaran, Puan Rashida Mior Ahmad Darwish, yang mencerminkan komitmen berterusan organisasi terhadap pelaksanaan inisiatif CSR.

Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful Berhad, Encik Shahrul Azlan Shahrman turut berkongsi pandangannya mengenai inisiatif ini dan berkata, “Ramadan mengingatkan kita bahawa peranan kita melangkaui penyediaan perlindungan kewangan semata-mata, ia juga adalah tentang memberi impak yang bermakna dalam komuniti yang kita santuni dan mereka yang memerlukan. Di Great Eastern Takaful, kami komited untuk menterjemahkan nilai-nilai kami kepada tindakan melalui inisiatif yang dapat meningkatkan kualiti hidup dengan penuh keprihatinan serta memperkukuh daya tahan sosial. Berpandukan fokus kami terhadap *Purpose, Passion and Performance*, program ini

bukan sahaja mencerminkan komitmen kami, tetapi juga dedikasi kolektif warga kerja kami dalam membawa perubahan nyata yang amat diperlukan.”

Meneruskan momentum tersebut, Program GREAT Ramadan 2026 kembali dengan misi menyemarakkan semangat keprihatinan dan menyuburkan harapan menjelang sambutan Syawal. Hampir 100 anak yatim dan penerima asnaf daripada Pertubuhan Kebajikan Asnaf Al Barakh dan Rumah Kasih Harmoni Paya Jaras telah dihimpunkan dalam sebuah program yang penuh keceriaan dan kebersamaan.

Hampir 40 sukarelawan dari Great Eastern Takaful, Great Eastern Life Assurance (Malaysia) dan Great Eastern General Insurance (Malaysia) telah mengiringi anak-anak tersebut dalam pengalaman membeli-belah Raya yang bermakna di Pasar Raya Besar Mydin sebelum bersama-sama menghadiri Majlis Iftar Perdana yang istimewa. Majlis tersebut turut dihadiri 100 orang pejuang kanser kanak-kanak serta penjaga mereka daripada Kelab Ibu Bapa dan Sokongan Anak-Anak Kanser (KIDS). Lebih daripada sekadar berbuka puasa, pertemuan ini menjadi platform untuk menyuntik semangat, memperkukuh sokongan, dan meraikan ketabahan luar biasa kanak-kanak ini serta keluarga mereka.

Siri inisiatif Ramadan tersebut diakhiri dengan Program GREAT Sahur 2026, di mana Great Eastern Takaful sekali lagi menzahirkan penghargaan kepada wira barisan hadapan negara. Sebanyak 100 pek juadah sahur telah diedarkan di beberapa lokasi utama termasuk Hospital Kuala Lumpur (HKL), Hospital Ampang, Kem Desa Tun Hussein Onn, dan Balai Polis Wangsa Maju.

Di Great Eastern Takaful, kami percaya bahawa setiap kebaikan, walaupun kecil, mampu mencetuskan gelombang impak positif yang bermakna. Harapan kami agar inisiatif seperti ini terus menyemarakkan semangat keprihatinan, memperkukuh hubungan komuniti, serta membawa sinar harapan kepada mereka yang paling memerlukan, dan bersama-sama, kita terus mencapai kejayaan.

**-TAMAT-**

## **MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD**

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan pendidikan (GET-Pintar), pembangunan komuniti (GET-Care) dan kelestarian alam sekitar (GET-Green) demi membantu masyarakat memperoleh kualiti hidup yang lebih baik.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah anugerah “Pengendali Takaful Terbaik Malaysia 2022” oleh Global Business Outlook Awards dan pada tahun 2023, Great Eastern Takaful diiktiraf sebagai “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia. Tahun 2024 menyaksikan Great Eastern Takaful diperakui sebagai “Majikan Terbaik” oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric, dianugerahkan sebagai “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA), diiktiraf dengan “Anugerah Inisiatif – Upcycling” oleh ESGBusiness Awards di samping menerima beberapa anugerah lain daripada HR Excellence Awards 2024. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.greateastertakaful.com](http://www.greateastertakaful.com) . Great Eastern Takaful juga merupakan ahli PIDM.

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

### **Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

Mastura Abd Rahim  
Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat  
Great Eastern Takaful Berhad  
Tel: +6016 - 209 234  
E-mel: [MasturaAbdRahim@greateastertakaful.com](mailto:MasturaAbdRahim@greateastertakaful.com)